

**Syarat-Syarat Kelulusan Lesen: Premis Am**

1. Lesen ini sah selama satu tahun dari tarikh pembayaran dan hendaklah diperbaharui tujuh(7) hari sebelum tamat tempoh lesen.
2. Pelesen hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian Majlis Daerah Selama 1984 dan Undang-Undang Kecil Kebersihan Awam Majlis Daerah Selama 1985.
3. Pelesen hendaklah sentiasa menjaga premis berlesennya (termasuk longkang) supaya berada dalam keadaan bersih.
4. Pelesen tidak boleh membenarkan cecair kotor atau lain-lain bahan mengganggu dilonggok, ditumpah atau diserak ke dalam longkang atau lain-lain tempat.
5. Pelesen hendaklah mengadakan tong sampah yang cukup untuk menyimpan sampah serta di buang ke tempat yang sesuai.
6. Pelesen hendaklah memastikan yang keadaan bersesak-sesak tidak berlaku.
7. Pelesen hendaklah memastikan bahawa Kehendak Kebombaan dipatuhi (kelengkapan menentang kebakaran yang cukup dipasang )
8. Pelesen tidak boleh membakar bahan-bahan pembakar atau sampah sarap secara terbuka.
9. Apa-apa kemalangan atau kecacatan kepada pelanggan adalah tanggungjawab pelesen.
10. Sebarang papan tanda atau kain rentang yang hendak dipasang hendaklah dirujuk kepada Majlis terlebih dahulu.
11. Tidak mengadakan sesi rawatanurut antara lelaki perempuan dan juga perempuan lelaki.
12. Produk kesihatan yang digunakan hendaklah tidak mendatangkan kemudaratan kepada pelanggan.
13. Mematuhi arahan Yang Dipertua Majlis Daerah Selama dari masa ke semasa.

*Pelanggaran mana-mana syarat di atas adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun serta dibatalkan lesen perniagaan.*

Dengan perintah,

YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SELAMA